

PANDUAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM DALAM TALIAN (PPAOnline)

ARAHAN PPAOnline


1. Buka URL **Sistem Peperiksaan Perkhidmatan Awam Online** menggunakan pelayar internet **Google Chrome** melalui link berikut :

<http://ppaonline.jpa.gov.my>

ARAHAN CALON

1. Peperiksaan ini akan mengambil masa selama 1 jam (60 Minit).
2. Masukkan "ID Pengguna" , "Kata laluan" dan No. Kad Pengenalan mengikut format berikut:

ID Pengguna: <SIRI >< KOD PEPERIKSAAN><BAHAGIAN><ANGKA GILIRAN>	Contoh : 27101X3101XXXX
Kata Laluan:	1234
NO.KP. :	881208015026



SISTEM PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM
Online
PPAONLINE

SELAMAT DATANG KE SISTEM PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM SECARA DALAM TALIAN (PPAONLINE)
23/08/2016

ARAHAN CALON

1. Sila masukkan "ID PENGGUNA" dan "KATA LALUAN" mengikut format yang telah ditetapkan.

ID PENGGUNA : <SIRI><KOD PEPERIKSAAN><BAHAGIAN><ANGKA GILIRAN>
Contoh : 27101X3101XXXX
KATA LALUAN : 1234
NO. KP : 881208015026

2. Pastikan ' ID PENGGUNA' calon yang betul terpapar di halaman 'Menu Utama'.
3. Calon dikehendaki klik "HANTAR" setelah selesai menjawab semua soalan.
4. Sekiranya calon masih tidak menghantar jawapan setelah masa peperiksaan tamat, sistem akan menghantar jawapan anda secara automatik.
5. Anda diberi masa selama 5 minit untuk sesi latihan ujian bagi penggunaan sistem PPAOnline.
6. Bagi calon yang lewat, tempoh menjawab adalah mengikut masa sebenar peperiksaan.

Sila masukkan ID Pengguna dan kata laluan

ID PENGGUNA	<input type="text" value="17105B02013001"/> <small>[Siri]Kod Peperiksaan Bhgn AG Contoh :27101X3101XXXX</small>
KATA LALUAN	<input type="password" value="****"/> <small>(Masukkan '1234')</small>
NO. KAD PENGENALAN	<input type="text" value="84011713888"/> <small>(Masukkan '881208015026')</small>

URUS SETIA PEPERIKSAAN : Sila klik **DI SINI** untuk muat turun slaid paparan dan jam ClockX.

© 2015 Laman Rasmi Sektor Penilaian Kompetensi, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Aras 7, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya. No.Tel. : 03-8324 2500 No.Faks : 03-8324 2577 E-mel : peperiksaan@jpa.gov.my. Dibangun dan diselenggara oleh ITSPK,BK,JPA. Paparan terbaik menggunakan resolusi 1024 x 768, pelayar Chrome.

3. Pastikan “ID PENGGUNA” calon yang betul terpapar di halaman ‘Menu Utama’.
4. Calon-calun dikehendaki klik “HANTAR” setelah selesai menjawab semua soalan.
5. Sekiranya calon-calun masih tidak menghantar jawapan setelah masa peperiksaan tamat, sistem akan menghantar jawapan anda secara automatik.
6. Bagi calon yang lewat, masa adalah mengikut masa sebenar peperiksaan.
7. Calon diberi masa selama lima (5) minit untuk sesi latihan penggunaan sistem PPAOnline.

PAPARAN MENU

1. Setelah klik “Masuk”, paparan menu utama sistem PPAOnline seperti di bawah:



2. Pastikan Kod Peperiksaan, Bahagian, Angka Giliran dan No Kad Pengenalan calon adalah betul



3. Sila baca Arahan Peperiksaan seperti di bawah:

ARAHAN PEPERIKSAAN

1. Peperiksaan ini mengandungi 40 soalan aneka pilihan dan masa menjawab soalan adalah 60 minit.
2. Tiap-tiap soalan mengandungi empat (4) pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Pilih satu (1) jawapan sahaja bagi tiap-tiap soalan dengan klik pada ruang jawapan.
3. Sila ambil ingatan kepada perkataan-perkataan seperti **kecuali, tidak dll** yang digunakan dalam soalan, oleh sebab perkataan-perkataan ini digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu.
4. Sila ambil ingatan kepada soalan yang panjang, mohon calon untuk **skrol** pada kotak soalan sehingga soalan habis dibaca.
5. Calon dibenarkan merujuk kepada **buku berkaitan sahaja**.
6. Calon-calon **TIDAK DIBENARKAN MENIRU ATAU BERBINCANG** di antara satu dengan yang lain. Calon-calon yang melanggar peraturan boleh **DIKENAKAN** salah satu daripada **TINDAKAN** di bawah atau ketiga-tiga sekali:
 - a. **DISINGKIRKAN** daripada menduduki peperiksaan.
 - b. Keputusan calon-calon tersebut dianggap **KANDAS**.
 - c. Diambil **TINDAKAN TATATERTIB** berdasarkan perbekalan-perbekalan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
7. Pastikan anda menghantar jawapan anda dengan menekan butang **HANTAR**
8. Pastikan anda **mengisi borang soal selidik** setelah selesai menjawab peperiksaan.
9. Setelah selesai menjawab soal selidik, pastikan anda klik butang **KELUAR** untuk keluar dari **Sistem PPAOnline**.

4. Klik “**LATIHAN**” untuk latihan penggunaan sistem PPAOnline.

5. Paparan Latihan Ujian adalah seperti di bawah.

The screenshot shows the PPAOnline examination interface. At the top, there is a green header with the JPA logo and the text "Sistem Peperiksaan Perkhidmatan Awam Online" and "...Semoga Berjaya". Below the header, there is a yellow banner with the text "****MENJAWAB DENGAN TENANG ***". The main content area has a timer showing "00:59:14" and "No. Soalan: 2". The question text is "Tujuan Jabatan menyelenggara rekod kehadiran pegawai adalah untuk". Below the question, there are four multiple-choice options: A. penganugerahan perkhidmatan cemerlang, B. mengambil tindakan tatatertib terhadap seseorang pegawai, C. merekod waktu pegawai sampai dan waktu pegawai meninggalkan pejabat, and D. dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan bagi memudahkan pengiraan Gantian Cuti Rehat. At the bottom, there are buttons for "Seterusnya", "Sebelum", and "Ringkasan senarai soalan". The footer contains the text "Developed By: Arah @2013 Released under the GNU General Public License v.4".

Terdapat beberapa fungsi dalam sistem peperiksaan ini :

00 : 59 : 14

Masa peperiksaan dipaparkan dan dikira secara menurun. Sekiranya masa peperiksaan telah tamat, jawapan anda akan dihantar secara automatik.

Tanda untuk lihat semula

Tandakan ruang ini untuk menyemak semula jawapan yang tidak pasti. Sekiranya anda tanda ruang berkenaan, jawapan anda dianggap masih belum dijawab. anda dikehendaki lihat semula soalan yang telah ditandakan untuk mengesahkan jawapan anda.

Seterusnya

Sebelum

Klik butang Seterusnya untuk ke soalan berikutnya dan klik butang sebelumnya untuk ke soalan sebelumnya.

Ringkasan senarai soalan

Klik Ringkasan senarai soalan untuk menyemak semula soalan dan jawapan yang masih belum dijawab.

6. Paparan Ringkasan senarai soalan adalah seperti di bawah dan klik “Hantar” untuk menghantar jawapan.

The screenshot shows a web browser window with the URL 'ppaonline.jpa.gov.my/oes/summary.php'. The page title is 'Sistem Peperiksaan Online' with the tagline '...Semoga Berjaya'. A timer at the top left shows '00 : 54 : 36'. Below the header is a table with the following data:

No. Soalan	Status	Tukar Jawapan
1	sudah	Tukar 1
2	sudah	Tukar 2
3	sudah	Tukar 3
4	sudah	Tukar 4
5	sudah	Tukar 5
6	belum	Tukar 6
7	belum	Tukar 7
8	belum	Tukar 8
9	sudah	Tukar 9
10	sudah	Tukar 10
11	sudah	Tukar 11
12	lihat	Tukar 12
13	lihat	Tukar 13
14	belum	Tukar 14
15	belum	Tukar 15

At the bottom of the table is a 'Hantar' button. The footer of the page reads 'Developed By-Arah @2013 Released under the GNU General Public License v.4'.

7. Paparan berikut akan dipaparkan setelah jawapan dihantar dan klik “Dashboard” untuk kembali ke paparan Menu Utama.

The screenshot shows a web browser window with the URL 'ppaonline.jpa.gov.my/oes/testack.php'. The page title is 'Sistem Peperiksaan Perkhidmatan Awam Online' with the tagline '...Semoga Berjaya'. In the top right corner, there are two buttons: 'DashBoard' and 'Keluar'. The main content area displays the following text:

Jawapan Anda telah berjaya di hantar.

TERIMA KASIH

The footer of the page reads 'Developed By-Arah @2013 Released under the GNU General Public License v.4'.

- Klik **"UJIAN"** untuk memulakan peperiksaan.

- Pilih peperiksaan yang berkenaan dan klik **"icon"** di ruangan **"Pilihan Ujian"**.
- Pastikan anda memilih peperiksaan yang betul.

Menduduki Ujian					DashBoard	Keluar
Kod Ujian	Perihal Ujian	Nama Subjek	Tempoh (minit)	Jumlah Soalan	Pilihan Ujian	
14101B1	UJIAN PTR BAHAGIAN B (1)	PTR	60	40		

Developed By-Arah @2013
Released under the GNU General Public License v.4

- Masukkan **"Kod Rahsia Ujian"**.
(**Kod Rahsia Ujian** akan dimaklumkan oleh ketua pengawas.)

12. Klik **“Mula Ujian”** untuk memulakan peperiksaan.



13. Setelah selesai menjawab, pastikan anda mengisi Soal Selidik.

14. Klik **“Keluar”** untuk tamatkan sesi peperiksaan.



Tamat

“SEMOGA BERJAYA”